

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** yang berpengalaman dan masih sah tempoh pendaftarannya untuk perkhidmatan berikut:

BIL.	NO. TENDER/ PERKARA	KOD BIDANG/ PENDAFTARAN	TARIKH & MASA TUTUP	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT (WAJIB)
1.	TM/TA/2021/003 Perkhidmatan Agensi Pengiklanan Domestik Tourism Malaysia Bagi Tempoh 12 Bulan	222001, 222002, 222003, 222005 dan 222009	25 Januari 2022 (Selasa) Jam 12:00 Tengah Hari	Tarikh : 27 Disember 2021 (Isnin) Masa : 10:30 Pagi Tempat : Dewan Sanggar Pujangga, MOTAC, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya Hanya dua (2) orang wakil syarikat dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut. ** Syarikat dikehendaki membawa bersama cap syarikat dan bukti pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempoh pendaftaran dengan kod bidang 222001, 222002, 222003, 222005 dan 222009.

Kehadiran ke sesi taklimat adalah **WAJIB**. Syarikat yang tidak menghadiri taklimat tidak dibenarkan menyertai tender ini. Syarat-syarat, arahan dan maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan. Dokumen boleh diperolehi mulai **27 Disember 2021 sehingga 24 Januari 2022 (9.00 pagi sehingga 5.00 petang)**, kecuali hari Sabtu, Ahad dan hari Kelepasan Am di alamat seperti berikut:

**Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM),
Tingkat 8, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya**

Dokumen Pelawaan boleh dibeli dengan harga **RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja)** satu set (tidak dikembalikan). Bayaran melalui wang tunai/cek/kad kredit/debit tidak akan diterima. Bayaran hanya boleh dibuat dalam bentuk **Bank Draf** atas nama **Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia**.

Syarikat yang ingin membeli dokumen tender dikehendaki **mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempoh pendaftaran untuk semakan berserta satu salinan sijil tersebut untuk simpanan LPPM**.

Tawaran tender yang berlakri hendaklah sampai/dimasukkan ke dalam peti tender di alamat seperti di atas **sebelum atau pada 25 Januari 2022 (Selasa) jam 12:00 tengah hari**. Sila ambil maklum bahawa LPPM tidak terikat dengan tawaran tender terendah atau sebarang tender.

**** Syarikat diingatkan untuk mengamalkan norma baharu dengan memakai pelitup muka dan hidung (face mask) dan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) Am Majlis Keselamatan Negara (MKN) semasa sesi taklimat dan sepanjang keberadaan di premis Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.**